

Dr M dianugerah ijazah kehormat

MMU

BH-23/7/2004: 3 Perdana

MELAKA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Penguasaan Sains sempena konvokesyen kelima Universiti Multimedia (MMU) di Dewan Seri Negeri di sini, Ahad ini.

Anugerah akan disampaikan isterinya yang juga Canselor MMU, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada hari kedua konvokesyen.

Menurut kenyataan MMU, anugerah itu bagi menghargai jasa dan sumbangan Dr Mahathir terhadap perkembangan sains dan teknologi di negara ini.

Selain itu, beliau adalah pencetus ilham penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Cyberjaya ke arah memperkenalkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada rakyat dan negara.

Sumbangan berterusan bekas Perdana Menteri selama 22 tahun itu meletakkan Malaysia pada tangga ke-17 dalam bidang perdagangan peringkat dunia.

Seramai 2,585 graduan dari tujuh fakulti akan menerima ijazah dan diploma pada konvokesyen kali ini.